

21/05/2003

Ling, Lim dijangka letak jawatan Jumaat

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalannya,

Datuk Seri Lim Ah Lek dijangka meletakkan jawatan masing-masing pada mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu, Jumaat ini.

Dr Ling juga dijangka melepaskan jawatan Kabinetnya sebagai Menteri Pengangkutan.

Lim yang juga bekas Menteri Sumber Manusia ketika dihubungi Berita Harian membayangkan akan melepaskan jawatan nombor dua dalam MCA itu manakala Dr Ling enggan menjawab soalan pemberita selepas mengadakan pertemuan sejam dengan pemimpin MCA Perak di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Bagaimanapun, Pengerusi MCA Perak, Datuk Ong Ka Chuan, berkata dalam pertemuan itu, Dr Ling ada membayangkan secara tidak langsung akan melepaskan jawatan yang disandangnya sejak 17 tahun lalu itu.

"Dr Ling sedikit sebanyak membayangkan beliau terpaksa melepaskan jawatannya untuk memberi laluan kepada pemimpin muda. Kami tak tahu apa yang akan berlaku pada mesyuarat CC nanti.

"Beliau menjelaskan keinginannya untuk memberi laluan kepada pemimpin muda. Kita memintanya menimbang semula keputusan itu tetapi Dr Ling memberitahu beliau sudah hampir memutuskannya," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Difahamkan, Dr Ling dan Lim menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara berasingan di Putrajaya minggu lalu.

Kedua-duanya dikatakan bersetuju melepaskan jawatan masing-masing yang dilihat sebagai tindakan terakhir dan terbaik bagi meleraikan pergeseran dalaman yang sudah berlarutan sejak tiga tahun lalu.

Berikutan itu, nama empat Naib Presiden MCA - Datuk Chan Kong Choy, Datuk Seri Ong Ka Ting, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Dr Fong Chan Onn, disebut-sebut untuk mengambil alih jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Sejak minggu lalu, ada khabar angin mengatakan Dr Ling yang sudah memegang jawatan sebagai Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA sejak 17 tahun lalu, akan mengumumkan peletakan jawatannya dua hari lagi bersama dengan timbalannya, Lim.

Ini adalah kali ketiga Dr Ling mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan dalam tempoh tiga tahun.

Dr Ling pertama kali mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet pada 22 Mei 2000, tetapi beliau dinasihatkan oleh Perdana Menteri untuk menimbang balik keputusannya itu.

Selepas bercuti lama, pada 6 Jun 2000, Ahli Parlimen Labis itu mengumumkan beliau sedia meneruskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan yang disandangnya sejak 1986.

Pada 7 Januari lalu, Dr Ling sekali lagi mengejutkan negara apabila mengumumkan penyerahan surat peletakan jawatan sebagai anggota Kabinet kepada Dr Mahathir pada 15 Ogos 2002.

Terdahulu, kedua-dua puak yang bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada termasuk pada peringkat bahagian,

negeri dan pusat sehingga 2005, pada 23 April 2002.

Kumpulan A yang diketuai Dr Ling dan Lim pula memimpin Kumpulan B menyokong pelan damai yang dicadangkan oleh Perdana Menteri bagi mengakhiri kemelut dalam kepemimpinan MCA yang berlarutan selepas pilihan raya umum 1999.

Terdahulu, Ka Chuan ketika ditanya mengenai reaksi Dr Ling apabila pemimpin akar umbi MCA Perak menentang hasratnya untuk meletak jawatan berkata: "Dr Ling kata beliau akan mempertimbangkan."

Beliau berkata, MCA Perak khasnya masih memerlukan kepimpinan presiden itu untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, akar umbi negeri itu memberi mandat kepada tiga ahli CC MCA iaitu beliau sendiri, Datuk Ho Cheong Sing dan Datuk Seri Dr Ting Chew Peh untuk membantah peletakan jawatan Dr Ling pada Jumaat ini.